

CNS8683

R.GB 25-09 001.86 BA551

aab

MAHATHIR BERUCAP DI PBB

Mahathir - **PBB**

Daripada Syed Jamil Jaafar

I

NEW YORK, 25 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Selasa **berkata, demokrasi perlu diamalkan oleh setiap negara di dunia sekiranya ia ingin diterima sebagai satu-satunya sistem kerajaan oleh negara-negara .**

Beliau berkata, apakah maknanya **demokrasi kepada negara membangun sekiranya mereka tidal; langsung mempunyai hak untuk memilih ; sekiranya demokrasi bermakna bahawa rakyat mereka t erus-menerus menghadapi ketidak stabilan dan gangguan dan kelemahan ekonomi menyebabkan mereka terdedah kepada manipulasi oleh negara-negara demokrasi yang berkuasa'.**

+Penindasan oleh kuasa-kuasa demokratik tidak ada bezanya daripada **penindasan yang dilakukan oleh negara-negara yang mengamalkan pemerintahan satu part i, +katanya ketika berucap pada perhimpunan agung ke-46 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBR) , di sini.**

Perdana Menteri menyentuh dengan **panjang lebar' mengenai demokrasi dan meliputi i bidang-bidang seperti peranan PBB, senjata nuklear, Afrika Selatan, Palest in, alam sekitar, perundingan perdagangan pelbagai hal dan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).**

Beliau berkata, berikutan perubahan-perubahan mendadak yang berlaku se jak dua tahun lepas, duniakini menuju ● kepada . +satu order baru dunia+.-- Lagi

♥25/09/10-44MST

R GB 25-09 0 0 1 1 . 5 BA552

aab

.,Mahathir - **PBB 2 New York**

+Tetapi adalah diharapkan bahawa **order baru dunia ini bukanlah satu yang dipaksakan ke a-tas dunia oleh golongan utama yang mendapat faedah** daripada perubahan-perubahan mendadak itu, + **katanya.**

+Semua **anggota** badan **PBB** perlu bersama-sama mengambil **bahagian** membentuk **order** baru dunia itu **sekiranya** kita mahu mengelakkan berulangnya **era penjajahan baru . +**

Datuk Seri Dr Mahathir, berkata, **demokrasi, adalah sah dan diterima kini dan tidak ada sesiapa yang benar-benar membantahnya.**

Malaysia, katanya, t idak nampak sebarang alternatif lain, selain daripada demokrasi dalam hubungan masyarakatnya yang, berbagai-bagai.

+Tetapi **adakah hanya terdapat satu bentuk demokrasi atau hanya orang tertentu untuk menterjemahkannya?+ t a n y a n y a . -- Lagi**

♥25/09/11-02MST

R GB 25-09 00189 BA553

aab

Mahathir - PBB 3 New York

Beliau berkata, terdapat perbezaan dalam amalan demokrasi malahan di kalangan mereka yang mengajarkan demokrasi kepada negara-negara membangun.

+Apakah hanya mereka yang mengajar itu sahaja mempunyai hak untuk mentafsirkan demokrasi dan mengamalkannya menurut cara yang mereka fikirar sesuai, dan memaksakan tafsiran mereka kepada orang lain?+ katanya.

+Tidaklah boleh mereka yang menjadipengikutnya jugamentaf sirkkan yang terperinci, selain daripada asas-asasnya sahaja?.

Beliau berkata, sekiranya demokrasi bermakna hak untuk menjulang senjata, untuk menonjol-nonjolkan homoseksual, untuk mengetepikan institusi perkahwinan, untuk memusnahkan kesejahteraan, masyarakat atas nama hak perseorangan, untuk memusnahkan kepercayaan tertentu, maka tidak bolehkah pengikut-pengikut baru memilih untuk menolaknya?..

Perdana Menteri berkata, demokrasi bermakna pemerintahan majoriti. Golongan minoriti boleh mempunyai hak mereka tetapi hak-hak itu tidak boleh termasuk menafikan hak golongan majoriti.

Beliau berkata, di PBB, semua anggota mempunyai hak yang sama tetapi lima (anggota tetap Majlis Keselamatan) lebih berhak daripada 166 anggota yang lain.

Tujuh negara (Kumpulan Tujuh Negara Maju) secara sendiri-sendiri menetapkan undang-undang yang menjelaskan ekonomi negara-negara lain, dan beberapa negara pula secara sendiri-sendiri menetapkan order baru dunia. --
Lagi

♥25/09/11-25MST

CNS8717

R GB 25-09 00093 BA555

aab

Mahathir - PBB 4 New York (akhir)

+Jelas sekali negara-negara di dunia tidak sama taraf, bukan sahaja di PBB, bukan juga di mana-mana,+ kata Perdana Menteri.

+Sekiranya demokrasi merupakan satu konsep sama rata; mengaga kita membeza-bezakan antara negara-negara?+

Beliau berkata, sejak penubuhan PBB pada 1945, idea baru, mengenai hak-hak dan perkara yang salah serta demokrasi semakin menjadi kenyataan dan jika demokrasi antarabangsa seperti yang diketengahkan oleh PBB ingin menjadikenyataan dan berkesan, mestilah ada penyerapan beberapa idea semasa dan nyata. -- Bernama

♥25/09/11-31MST